



**PANDUAN CUKAI BARANG  
DAN  
PERKHIDMATAN  
KE ATAS  
PENGANGKUTAN  
PENUMPANG**

**PANDUAN INI DISEDIAKAN UNTUK MEMBANTU ORANG RAMAI MEMAHAMI BAGAIMANA CUKAI  
BARANG DAN PERKHIDMATAN BOLEH DIGUNA PAKAI DI DALAM INDUSTRI INI**



<b>KANDUNGAN</b>	<b>m/s</b>
<b>Pengenalan</b>	<b>3</b>
<b>Pelaksanaan CBP secara umum</b>	<b>3</b>
<b>Gambaran keseluruhan pengangkutan penumpang</b>	<b>3</b>
<b>Layanan Cukai Barang dan Perkhidmatan ke atas pengangkutan penumpang domestik</b>	<b>4</b>
• <b>Pengecualian ke atas layanan Cukai Barang dan Perkhidmatan bagi perkhidmatan pengangkutan penumpang domestik</b>	<b>7</b>
<b>Layanan Cukai Barang dan Perkhidmatan ke atas pengangkutan penumpang antarabangsa</b>	<b>8</b>
<b>Soalan-soalan lazim</b>	<b>10</b>
<b>Maklumat tambahan berkaitan Cukai Barang dan Perkhidmatan</b>	<b>12</b>
<b>Glosari</b>	<b>12</b>



## **PANDUAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN KE ATAS PENGANGKUTAN PENUMPANG**

### **Pengenalan**

1. Panduan ini memberi penerangan berhubung layanan pengangkutan penumpang di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP). Adalah disyorkan supaya anda membaca Panduan Am CBP sebelum membaca panduan ini supaya anda lebih memahami konsep-konsep CBP secara umum.

### **Operasi umum berkaitan CBP**

2. CBP adalah cukai berperingkat yang dikenakan kepada pengguna domestik. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan barang dan perkhidmatan bercukai di Malaysia selain yang dikecualikan secara khusus. CBP juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke Malaysia.
3. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat-peringkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengagihan. Walaupun cukai yang akan dibayar sepanjang rantai pengeluaran dan pengedaran, ia akhirnya dipindahkan ke pengguna akhir. Oleh itu, cukai itu sendiri tidak merupakan satu kos kepada pengantara dan tidak kelihatan sebagai item perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.
4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan dikenali sebagai orang yang berdaftar. Orang yang berdaftar dikehendaki untuk mengenakan CBP(cukai output) ke atas pembekalan bercukai yang dibuat kepada pelanggan. Beliau juga dibenarkan untuk menuntut cukai input kredit ke atas apa-apa CBP(cukai input) yang dilakukan ke atas pembelian input kepada perniagaannya. Oleh itu, mekanisme ini akan mengelakkan cukai dua kali dan hanya nilai ditambah pada setiap peringkat yang dikenakan cukai.

### **Gambaran keseluruhan pengangkutan penumpang**

5. Penumpang ialah mana-mana orang yang membayar tambang untuk diangkut oleh pengangkutan biasa seperti kereta penumpang, bas, keretapi, pesawat dan kapal tetapi tidak termasuk pemandu atau konduktor kenderaan dan anak kapal pengangkut.



6. Pengangkutan penumpang ialah pembekalan perkhidmatan bagi pengangkutan orang di dalam kenderaan melalui laut, perairan pedalaman, keretapi, jalan raya atau udara.
7. Kenderaan, kapal atau pesawat udara yang dibekalkan tanpa pemandu atau anak kapal bukanlah pembekalan perkhidmatan pengangkutan penumpang, tetapi lebih merupakan satu cara pengangkutan.
8. Sesetengah perkhidmatan pengangkutan sama ada terdapat tambang atau caj yang dikenakan, tidak dianggap sebagai pengangkutan penumpang. Sebagai contoh, perkhidmatan membawa tetamu atau pelawat dalam mana-mana jenis kenderaan atau kapal untuk bergerak di kawasan-kawasan yang tertutup atau khusus untuk tujuan rekreasi atau makan angin seperti di taman, tasik, zoo, taman hiburan dan tempat-tempat yang seumpamanya adalah tidak dianggap sebagai pengangkutan penumpang.

**Contoh 1:**

*Syarikat Putra menyediakan pelayaran pesiaran dengan menaiki bot yang mengelilingi tasik di Putrajaya.*

**Contoh 2:**

*Sebuah pusat hiburan menawarkan kenderaan berkuda untuk pelanggan yang membelanjakan melebihi jumlah tertentu di pesta.*

**Contoh 3:**

*Menaiki keretapi untuk pelawat di zoo dan menaiki beca untuk bersiar-siar di kawasan.*

### **Layanan Cukai Barang dan Perkhidmatan ke atas pengangkutan penumpang domestik**

9. Pengangkutan penumpang domestik ialah perkhidmatan membawa penumpang dari satu tempat di Malaysia ke tempat lain di Malaysia. Kedua-dua tempat asal dan tempat destinasi merupakan tempat di Malaysia.
10. Pembekalan pengangkutan penumpang awam (selain daripada melalui udara) adalah dikecualikan. Walau bagaimanapun, terdapat perkhidmatan pengangkutan tertentu yang berkadar standard.



**i. Pengangkutan bas**

a. Bas ekspres	dikecualikan
b. Bas ulang-alik	dikecualikan
c. Bas henti-henti	dikecualikan
d. Bas pekerja	dikecualikan
e. Bas sekolah	dikecualikan
f. Bas pelancong atau sewa	berkadar standard

**Contoh 1:**

*Syarikat Bas ABC menyediakan perkhidmatan bas bandar di Lembah Klang serta perkhidmatan bas ekspres ke bandar-bandar lain di Melaka dan Johor. Ketika musim cuti, beberapa bas diberikan permit untuk beroperasi sebagai bas pelancongan.*

*-- Pembekalan kedua-dua perkhidmatan bas bandar dan bas ekspres dikecualikan.*

*-- Pembekalan perkhidmatan bas pelancongan adalah berkadar standard. Syarikat Bas ABC dikehendaki untuk mengenakan CBP jika ia didaftarkan di bawah CBP. Sila rujuk Panduan Pendaftaran CBP untuk maklumat lanjut.*

**Contoh 2:**

*Bas ulang-alik ABC Sdn Bhd menyediakan perkhidmatan bas terus dari KL Sentral ke Terminal Pengangkutan Tambang Murah (LCCT). Perkhidmatan pengangkutan ini dikecualikan.*

**ii. Pengangkutan teksi dan kereta sewa**

a. Teksi	dikecualikan
b. Kereta sewa	dikecualikan
c. Teksi lapangan terbang	berkadar standard
d. Teksi limosin	berkadar standard
e. Kereta sewa dan pandu	berkadar standard

**Contoh:**

*ST Sdn Bhd menyediakan perkhidmatan teksi dalam bandar dan juga dibenarkan untuk membawa penumpang ke lapangan terbang. Syarikat ini juga mempunyai anak syarikat yang beroperasi sebagai teksi yang diklasifikasikan sebagai teksi limosin.*

*-- Perkhidmatan teksi bandar termasuk perjalanan ke lapangan terbang dikecualikan.*

*-- Perkhidmatan teksi limosin adalah berkadar standard.*



iii. **Pengangkutan keretapi**

Pengangkutan awam keretapi (KTM, LRT, ERL, Monorail)	dikecualikan
--	--------------

**Contoh 1:**

*KTM Bhd menawarkan gerabak direka bentuk khas untuk perjalanan eksklusif di atas perkhidmatan keretapi penumpang tertentu.*

*-- Perkhidmatan gerabak keretapi khas tersebut dikecualikan memandangkan ia juga adalah pengangkutan penumpang*

**Contoh 2:**

*Perkhidmatan pengangkutan keretapi kabel seperti Keretapi Bukit Bendera dan perkhidmatan kereta kabel di Genting Highlands berkadar standard.*

iv. **Pengangkutan laut**

bot, feri dan kapal yang digunakan sebagai pengangkutan awam	dikecualikan
--	--------------

**Contoh 1:**

*Perkhidmatan feri yang disediakan di Pulau Pinang dan Pulau Pangkor dikecualikan.*

**Contoh 2:**

*Perkhidmatan bot yang disediakan di Sarawak dikecualikan.*

**Contoh 3:**

*Pengangkutan penumpang menggunakan bot dari tanah besar ke mana-mana pelantar minyak berkadar standard.*

**Contoh 4:**

*Pelayaran rekreasi atau makan angin antara pelabuhan di Malaysia dan pelayaran sungai berkadar standard.*

v. **Pengangkutan udara**

Pengangkutan udara penumpang termasuk perkhidmatan helikopter	berkadar standard
---	-------------------



**Contoh 1:**

*Seorang jurutera membuat perjalanan dari KLIA ke Labuan melalui MAS dan meneruskan perjalanan dengan helikopter ke pelantar minyak luar pesisir pantai.*

*-- Pembekalan perkhidmatan penerbangan oleh MAS dan pengendali helikopter berkadar standard.*

**Contoh 2:**

*Seorang pelancong asing telah merancang perjalanan dari KLIA ke Langkawi dengan penerbangan.*

*-- Penerbangan dari KLIA ke Langkawi berkadar standard.*

**Pengecualian ke atas layanan CBP bagi perkhidmatan pengangkutan penumpang domestik**

11. Pembekalan perkhidmatan pengangkutan penumpang yang berkadar standard tidak akan dikenakan CBP jika disediakan di dalam atau di antara kawasan-kawasan yang ditetapkan, iaitu Langkawi, Labuan dan Tioman.

**Contoh 1:**

*Syarikat Pengangkutan ABC menyediakan perkhidmatan bas pelancongan di Langkawi.*

*-- Perkhidmatan yang disediakan oleh Syarikat Pengangkutan ABC tidak tertakluk kepada CBP.*

**Contoh 2:**

*Syarikat XYZ menyediakan perkhidmatan bot di antara Mersing dan Tioman. Ia juga menyediakan lawatan pelayaran di sepanjang pesisiran pantai Tioman.*

*-- Perkhidmatan bot ke dan dari Mersing dikecualikan.*

*-- Perkhidmatan pelayaran pulau tidak tertakluk kepada CBP.*

**Contoh 3:**

*Perkhidmatan kereta kabel yang disediakan di Gunung Mat Cincang Langkawi tidak tertakluk CBP.*



## Layanan CBP ke atas pengangkutan penumpang antarabangsa

12. Pengangkutan penumpang antarabangsa bermaksud perkhidmatan yang disediakan untuk:

- (a) membawa penumpang dari suatu tempat di luar Malaysia ke tempat lain di luar Malaysia;
- (b) membawa penumpang dari suatu tempat di Malaysia ke suatu tempat di luar Malaysia; atau
- (c) membawa penumpang dari suatu tempat di luar Malaysia ke suatu tempat di Malaysia.

13. Pembekalan pengangkutan penumpang antarabangsa adalah berkadar sifar.

**Contoh:**

*Perkhidmatan pengangkutan yang berikut adalah pengangkutan penumpang antarabangsa dan layak untuk berkadar sifar:*

- *Perkhidmatan penerbangan dari London ke KLIA.*
- *Perkhidmatan koc eksklusif dari Kuala Lumpur ke Singapura.*
- *Perkhidmatan feri dari Melaka ke Dumai, Indonesia.*

14. Perkhidmatan pengangkutan yang berasal dan berakhir di luar Malaysia dianggap sebagai pengangkutan penumpang antarabangsa, walaupun membawa penumpang melalui Malaysia.

**Contoh 1:**

*Keretapi E & O dari Singapura membawa penumpang ke Bangkok.*

**Contoh 2:**

*Sebuah syarikat bas di Singapura menyediakan pengangkutan penumpang dari Singapura ke Hatyai, Thailand.*

**Contoh 3:**

*Encik Abu mengambil teksi dari rumahnya di Petaling Jaya ke KLIA untuk perjalanan ke Jepun.*

*-- Perkhidmatan teksi dikecualikan.*

*-- Penerbangan dari KLIA ke Jepun berkadar sifar.*





**Contoh 4:**

*KTMB membawa penumpang dari Butterworth ke Bangkok. Keretapi melakukan beberapa perhentian di sepanjang jalan sebelum memasuki Thailand.*

*-- Perkhidmatan pengangkutan untuk penumpang yang turun di Malaysia dikecualikan.*

*-- Perkhidmatan pengangkutan untuk penumpang yang meneruskan perjalanan ke Thailand berkadar sifar.*

15. Pembekalan pengangkutan penumpang dari satu tempat di Malaysia ke tempat lain di Malaysia yang menjadi sebahagian daripada pengangkutan penumpang antarabangsa juga layak berkadar sifar dengan syarat perkhidmatan ini dibekalkan oleh pembekal yang sama.

**Contoh 1:**

*Penerbangan ke London dari Sabah bermula dari Kota Kinabalu dan transit di KLIA sebelum meneruskan perjalanan ke London.*

*-- Tambang kapal terbang dari Kota Kinabalu ke London adalah berkadar sifar dengan syarat ia adalah untuk satu perjalanan yang berterusan (one through journey) yang disediakan oleh operator penerbangan yang sama.*

**Contoh 2:**

*Penumpang dari Ipoh bercadang untuk pergi bercuti di Bangkok dengan menaiki keretapi. Perkhidmatan keretapi ke Bangkok disediakan hanya dari Butterworth. Penumpang menaiki keretapi yang berasingan dari Ipoh ke Butterworth sebelum meneruskan perjalanan ke Bangkok.*

*-- Perkhidmatan pengangkutan keretapi dari Ipoh ke Butterworth dikecualikan.*

*-- Perkhidmatan pengangkutan keretapi dari Butterworth ke Bangkok adalah berkadar sifar kerana ia merupakan satu laluan antarabangsa.*



## Soalan-Soalan Lazim

**S1. Adakah makanan dan minuman yang disediakan untuk penumpang tertakluk kepada CBP?**

J1. Pembekalan makanan dan minuman di atas pengangkutan penumpang domestik adalah mengikut status pembekalan pengangkutan dengan syarat bahawa bayaran makanan atau minuman tidak dijual secara berasingan, iaitu tambang termasuk makanan dan minuman.

**S2. Jika saya memandu kereta ke Pulau Pinang dengan menggunakan perkhidmatan feri, adakah CBP dikenakan ke atas tambang feri?**

J2. Perkhidmatan feri adalah pengangkutan penumpang yang dikecualikan daripada CBP. Oleh itu, anda tidak perlu membayar CBP pada tambang yang dikenakan oleh pengendali feri.

**S3. Adakah caj perkhidmatan penumpang tertakluk kepada CBP?**

J3. Caj perkhidmatan penumpang bagi perjalanan udara domestik dan antarabangsa adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

**S4. Syarikat saya menyediakan perkhidmatan bas kepada penumpang KTM apabila berlaku sebarang gangguan kepada perjalanan keretapi itu. Adakah perkhidmatan pengangkutan saya ke KTM tertakluk kepada GST?**

J4. Anda membuat pembekalan perkhidmatan bas sewa khas kepada KTM dan perkhidmatan itu adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

**S5. Sebuah operator penerbangan menyediakan tiket percuma ke Langkawi di bawah program Enrich pelancong. Adakah CBP dikenakan ke atas tambang penerbangan itu?**

J5. Perkhidmatan yang diberikan secara percuma tidak dianggap sebagai pembekalan bagi tujuan CBP. Oleh yang demikian, operator penerbangan tersebut tidak boleh mengenakan apa-apa CBP ke atas tiket penerbangan yang diberi secara percuma.



**S6. Pelancong menyewa kereta dari Syarikat ABC Sewa & Pandu untuk melancong di Malaysia. Adakah Syarikat ABC Sewa & Pandu membekalkan perkhidmatan pengangkutan penumpang?**

J6. Tidak, Syarikat ABC Sewa & Pandu tidak membekalkan perkhidmatan pengangkutan penumpang kerana kereta yang disewa tidak disediakan dengan pemandu. Syarikat itu hanya membekalkan satu cara pengangkutan bagi pelancong.

**S7. Pengangkutan Abu Sdn. Bhd. menyediakan bas pekerja kepada ABC Elektronik Sdn Bhd. Adakah perkhidmatan pengangkutan tertakluk kepada CBP?**

J7. Tidak. Pengangkutan Abu Sdn Bhd menyediakan pengangkutan penumpang dalam bentuk bas pekerja yang merupakan perkhidmatan yang dikecualikan dan oleh itu, CBP tidak dikenakan.

**S8. Apakah layanan CBP bagi tiket penerbangan yang dikeluarkan kepada saya bagi perjalanan dari Kuantan ke London melalui KLIA?**

J8. Perjalanan udara domestik dari Kuantan ke KLIA layak berkadar sifar kerana ia merupakan sebahagian daripada laluan antarabangsa ke London dengan syarat kedua-dua perkhidmatan udara bagi perjalanan domestik dan antarabangsa disediakan oleh syarikat penerbangan yang sama.

**S9. Kafeteria Delicious menyediakan makanan dan minuman di dalam keretapi KTM bagi perjalanan domestik. Adakah pembekalan makanan dan minuman tertakluk kepada CBP?**

J9. Ya. Pembekalan makanan dan minuman tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Kafeteria Delicious perlu mengenakan CBP ke atas pembekalan makanan dan minuman jika ia adalah seorang yang berdaftar.

**S10. Adakah makanan dan minuman yang disediakan di dalam keretapi Ekspres Butterworth - Bangkok tertakluk kepada CBP?**

J10. Pembekalan makanan dan minuman di dalam keretapi laluan antarabangsa tertakluk kepada kadar sifar.



## Maklumat lanjut mengenai Cukai Barang dan Perkhidmatan

16. Maklumat lanjut untuk membantu anda memahami Cukai Barang dan Perkhidmatan boleh diperolehi daripada: -

- i. Laman web Cukai Barang dan perkhidmatan:  
[www.gst.customs.gov.my](http://www.gst.customs.gov.my)
- ii. Pusat Panggilan Kastam di :
  - Telefon : 03-7806 7200/1-300-88-8500
  - Faks : 03-7806 7599
  - Email : [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my)

## Glosari

- (i) “**perkhidmatan pengangkutan**” bermakna perbuatan membawa penumpang atau barang dari satu tempat ke tempat lain”;
- (ii) “**dari suatu tempat di Malaysia ke suatu tempat di luar Malaysia**” bermakna dari pintu keluar terakhir di Malaysia ke mana-mana tempat di negara lain;
- (iii) “**dari suatu tempat di luar Malaysia ke suatu tempat di Malaysia**” bermakna dari mana-mana tempat di negara lain ke pintu masuk pertama di dalam Malaysia.